

# NATRIXAM Modified-release Tablets

*Indapamide /amlodipine (1.5 mg/5 mg & 1.5 mg/10 mg)*

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Natrixam
2. Bagaimana Natrixam berfungsi
3. Sebelum mengambil Natrixam
4. Cara menggunakan Natrixam
5. Semasa menggunakan Natrixam
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Natrixam
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Natrixam

Natrixam digunakan sebagai rawatan penggantian tekanan darah tinggi (hipertensi) di kalangan pesakit yang sedang mengambil *indapamide* dan *amlodipine* daripada dari tablet berasingan dengan kekuatan ubat yang sama.

## Bagaimana Natrixam berfungsi

Natrixam adalah gabungan dua bahan aktif iaitu *indapamide* dan *amlodipine*. *Indapamide* adalah sejenis diuretik. Diuretik dapat meningkatkan jumlah air kencing yang dihasilkan oleh buah pinggang. Walau bagaimanapun, *indapamide* berbeza daripada diuretik yang lain kerana ia hanya menyebabkan peningkatan hasil jumlah air kencing yang sedikit. *Amlodipine* adalah (*calcium antagonist*, yang tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dipanggil *dihydropyridines*) dan ia berfungsi dengan mengendurkan saluran darah supaya darah mengalir dengan mudah. Bahan-bahan aktif ini adalah untuk mengurangkan tekanan darah.

## Sebelum mengambil Natrixam

### Bila tidak boleh mengambil

### Jangan mengambil Natrixam

- Jika anda alah kepada *indapamide* atau *sulfonamide* yang lain (kelas ubat untuk rawatan tekanan darah tinggi), atau *amlodipine* atau antagonis kalsium yang lain (kelas ubat untuk rawatan tekanan darah tinggi) atau sebarang bahan dalam

ubat ini (disenaraikan dalam seksyen Maklumat lanjut). Ini boleh menyebabkan rasa gatal-gatal, kemerahan pada kulit atau kesukaran bernafas,

- Jika anda mempunyai tekanan darah rendah yang teruk (hipotensi),
- Jika terdapat penyempitan injap aortic jantung (*aortic stenosis*) atau kejutan kardiogenik (*cardiogenic shock*, satu keadaan di mana jantung tidak dapat membekalkan darah yang mencukupi untuk badan),
- Jika anda mengalami kegagalan jantung selepas serangan jantung,
- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk,
- Jika anda mempunyai penyakit hati yang teruk atau mengalami keadaan yang dipanggil *hepatic encephalopathy* (sejenis penyakit degeneratif otak di mana hati tidak mampu mengeluarkan toksin di dalam darah),
- Jika anda mempunyai tahap kalium (potassium) yang rendah dalam darah anda,

### **Mengandung dan menyusukan anak**

Jika anda mengandung atau menyusukan anak atau fikir anda mungkin atau merancang mengandung, sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Ubat ini tidak digalakkan untuk diguna sewaktu mengandung. Apabila kehamilan telah dirancang atau disahkan, penukaran kepada rawatan alternatif harus dimulakan secepat mungkin.

Natrixam tidak disarankan jika anda menyusukan anak. Sila beritahu doktor anda dengan segera jika anda sedang menyusukan anak atau ingin mula menyusukan anak.

### Sebelum mula menggunakan Natrixam

### Amaran dan langkah berjaga-jaga

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Natrixam.

Anda harus beritahu doktor anda jika anda mengalami atau pernah mengalami sebarang keadaan berikut:

- Mengalami serangan jantung baru-baru ini,
- Jika anda mempunyai masalah kegagalan jantung, sebarang masalah rentak jantung, jika anda mempunyai penyakit arteri koronari (penyakit jantung yang disebabkan oleh aliran darah yang lemah di dalam saluran darah jantung),
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang,
- jika penglihatan anda berkurangan atau rasa sakit mata. Ini mungkin merupakan gejala pengumpulan cecair pada lapisan vaskular mata (*choroidal effusion*) atau peningkatan tekanan dalam mata anda dan ini boleh terjadi dalam masa beberapa jam hingga beberapa minggu setelah mengambil Natrixam SR 1.5 mg. Keadaan ini boleh menyebabkan kehilangan penglihatan yang kekal, jika tidak dirawat. Sekiranya anda mempunyai alahan terhadap *penicillin* atau *sulfonamide* sebelum ini, risiko anda untuk mendapat alahan adalah lebih tinggi,
- Jika anda mengalami gangguan otot termasuk sakit otot, peka pada sakit, kelemahan atau kekejangan,
- Peningkatan dalam tekanan darah yang teruk (krisis hipertensi),
- Jika anda telah berusia dan dos anda perlu ditingkatkan,
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain,
- Jika anda kekurangan zat makanan,
- Jika anda mempunyai penyakit hati,
- Jika anda mempunyai kencing manis,
- Jika anda mempunyai gout,
- Jika anda perlu mengambil ujian untuk memeriksa kelenjar paratiroid anda,
- Jika anda mempunyai reaksi photosensitiviti pada kulit.

Doktor anda mungkin menjalankan ujian darah anda untuk memeriksa jika paras natrium atau kalium rendah atau paras kalsium yang tinggi. Jika anda fikir mana-mana situasi ini mungkin berkaitan dengan anda ataupun mempunyai sebarang

pertanyaan atau keraguan tentang pengambilan ubat anda, sila berjumpa doktor atau ahli farmasi anda.

Ahli sukan perlu mengetahui bahawa ubat ini mengandungi bahan aktif (*indapamide*) yang boleh memberi kesan positif dalam 'anti-doping tests'.

### Kanak-kanak dan remaja

Natrixam tidak patut diberikan kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau baru-baru ini pernah mengambil atau mungkin mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

Jangan mengambil Natrixam:

- Dengan *lithium* (digunakan untuk merawat penyakit mental seperti mania, penyakit kemurungan manik dan kemurungan yang berulang) disebabkan terdapat risiko peningkatan tahap *lithium* dalam darah,
- Dengan *dantrolene* (infusi untuk suhu badan yang tidak normal yang teruk).

Pastikan anda beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan yang berikut kerana penjagaan khas mungkin diperlukan:

- Ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi,
- Ubat-ubatan digunakan untuk masalah rentak jantung (contohnya *quinidine*, *hydroquinidine*, *disopyramide*, *amiodarone*, *sotalol*, *ibutilide*, *dofetilide*, *bretylum*),
- Ubat-ubatan digunakan untuk merawat penyakit mental seperti kemurungan, kebimbangan, skizofrenia. (contohnya *tricyclic antidepressant*, ubat-ubatan *antipsychotic*, *neuroleptics* seperti *amisulpride*, *sulpiride*, *sultopride*, *tiapride*, *haloperidol*, *droperidol*),
- *Bepridil* (digunakan untuk merawat *angina pectoris*, keadaan yang menyebabkan sakit dada),
- *Cisapride*, *diphermanil* (digunakan untuk merawat masalah gastro-usus),
- *Vincamine IV* (digunakan untuk merawat gejala gangguan kognitif

termasuk kehilangan ingatan dalam warga tua),

- *Halofantrine* (ubat *antiparasitic* digunakan untuk merawat beberapa jenis malaria),
- *Pentamidine* (digunakan untuk merawat beberapa jenis radang paru-paru),
- ubat anti-histamin yang digunakan untuk merawat reaksi alahan seperti demam alahan (contohnya *mizolastine*, *astemizole*, *terfenadine*),
- ubat anti-radang bukan steroid untuk melegakan kesakitan (seperti *ibuprofen*) atau dos asid *acetylsalicylic* yang tinggi,
- *Angiotensin converting enzyme (ACE) inhibitors* (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung),
- Kortikosteroid oral yang digunakan untuk merawat pelbagai keadaan termasuk asma yang teruk dan artritis reumatoid,
- Persediaan *digitalis* (untuk rawatan masalah jantung),
- Julap perangsang,
- *Baclofen* (untuk merawat kekejangan otot yang berlaku dalam penyakit seperti *multiple sclerosis*),
- Diuretik *potassium-sparing* (*amiloride*, *spironolactone*, *triamterene*),
- *Metformin* (untuk merawat kencing manis),
- *iodinated contrast media* (digunakan untuk ujian yang melibatkan sinaran-X),
- Pil kalsium atau kalsium tambahan yang lain,
- Imunosupresan (ubat-ubatan yang digunakan untuk mengawal tindak balas imun badan anda) untuk rawatan gangguan auto-imun atau selepas pembedahan pemindahan (contohnya *ciclosporin*, *tacrolimus*)
- *Sirolimus*, *temsirolimus*, *everolimus* dan ubat-ubatan lain yang tergolong dalam kelas dipanggil perencat *mTOR* (ubat-ubatan yang digunakan untuk mengubah cara sistem imun ada berfungsi)
- *Tetracosactide* (untuk merawat penyakit *Crohn*),
- Ubat anti kulat (contohnya *ketoconazole*, *itraconazole*, *amphotericin B* secara suntikan),

- *Ritonavir*, *indinavir*, *nelfinavir* (dipanggil *protease inhibitor* digunakan untuk merawat HIV),
- ubat antibiotik untuk rawatan jangkitan bakteria (contohnya *rifampicin*, *erythromycin secara suntikan*, *clarithromycin*, *sparfloxacin*, *moxifloxacin*),
- *Hypericum perforatum* (*St John Wort*),
- *Verapamil*, *diltiazem* (ubat-ubatan jantung),
- *Simvastatin* (ubat merendahkan tahap kolesterol),
- *Allopurinol* (untuk rawatan gout),
- *Methadone* (untuk rawatan ketagihan).

### Cara menggunakan Natrixam

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan adalah satu tablet sehari, sebaiknya diambil pada waktu pagi.

### Bila perlu digunakan

Ambil satu tablet sekali sehari, sebaiknya pada waktu pagi. Telan seluruh tablet dengan air dan jangan dikunyah.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Adalah penting bagi anda untuk mengambil ubat setiap hari supaya rawatan yang diterima berkesan.

Walau bagaimanapun, jika anda terlupa untuk mengambil tablet, tinggalkan dos yang terlupa itu sepenuhnya. Ambil dos seterusnya pada masa yang tetap. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan tablet yang terlalu banyak boleh menyebabkan tekanan darah menjadi rendah atau bahaya. Anda mungkin berasa pening,

mengantuk, ringan kepala, pengan atau lemah. Anda mungkin rasa loya, muntah, kejang, kekeliruan dan perubahan dalam jumlah air kencing yang dihasilkan oleh ginjal. Kejutan boleh berlaku jika penurunan tekanan darah jatuh terlalu teruk. Kulit anda akan rasa sejuk dan lembab dan anda boleh hilang kesedaran. Cecair yang berlebihan mungkin terkumpul di dalam paru-paru anda (edema pulmonari) menyebabkan sesak nafas yang mungkin berpanjangan sehingga 24-48 jam selepas pengambilan. Dapatkan rawatan dengan segera jika anda mengambil tablet Natrixam terlalu banyak.

### Semasa menggunakan Natrixam

#### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Natrixam.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Oleh sebab rawatan tekanan darah tinggi biasanya untuk sepanjang hayat, anda perlu berbincang dengan doktor anda sebelum berhenti mengambil ubat ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila bertanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

#### **Memandu dan menggunakan mesin**

Natrixam boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika tablet ini membuat anda rasa sakit, pening atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera. Jika ini berlaku, anda harus mengelak daripada aktiviti memandu dan aktiviti lain yang memerlukan kecerdasan.

### **Mengambil Natrixam dengan makanan dan minuman**

Jangan mengambil jus dan buah limau gedang bersama Natrixam. Ini kerana buah dan jus limau gedang boleh menyebabkan peningkatan tahap bahan aktif *amlodipine* di dalam darah yang boleh menyebabkan penurunan tekanan darah akibat daripada peningkatan kesan Natrixam yang tidak menentu.

### **Natrixam mengandungi laktosa**

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tidak bertoleransi kepada sesetengah gula, sila hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

### **Natrixam mengandungi natrium**

Natrixam mengandungi kurang daripada 1 mmol natrium (23 mg) untuk setiap tablet, dan pada dasarnya 'bebas natrium'.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan yang lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Hentikan pengambilan ubat ini dan berjumpa dengan doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut yang boleh menjadi serius:

- Bengkak pada bahagian kelopak mata, muka atau bibir (sangat jarang berlaku, mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- Bengkak pada bahagian lidah dan tekak yang menyebabkan kesukaran bernafas (sangat jarang berlaku, mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- Reaksi kulit yang teruk termasuk ruam kulit yang sengit, gatal-gatal, kemerahan pada kulit di seluruh badan anda, gatal-gatal yang teruk, melepuh, kulit mengelupas dan bengkak, radang membran mukus (*Stevens Johnson Syndrome, Toxic Epidermal Necrolysis*) atau reaksi alahan lain (sangat jarang berlaku, mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang),

- Serangan jantung (sangat jarang berlaku, mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- Degupan jantung yang tidak normal (tidak biasa, mungkin dialami sehingga 1 dalam 100 orang),
- Degupan jantung yang tidak teratur yang mengancam nyawa (*torsade de pointes*) (kekerapan tidak diketahui),
- Radang pankreas yang boleh menyebabkan sakit perut dan belakang yang teruk disertai dengan rasa sangat tidak sihat (sangat jarang berlaku, mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- Kelemahan otot, kekejangan, peka pada kesakitan atau sakit dan terutamanya, jika pada masa yang sama, anda merasa tidak sihat atau mempunyai suhu badan yang tinggi, ia mungkin disebabkan oleh kerosakan otot yang tidak normal (Tidak diketahui).

Dalam urutan frekuensi menurun, kesan sampingan yang lain termasuk:

Sangat biasa: mungkin dialami sehingga 1 dalam 10 orang

- Oedema (bendung air).

Biasa: mungkin dialami sehingga 1 dalam 10 orang

- Sakit kepala, pening, mengantuk (terutamanya pada permulaan rawatan),
- Penglihatan terjejas, penglihatan berganda,
- Berdebar-debar (kesedaran degupan jantung anda), *flushing*,
- Sesak nafas,
- Sakit perut, rasa tidak sihat (loya), perubahan tabiat usus, cirit-birit, sembelit, ketidakhadaman,
- Kebengkakan kaki, keletihan, rasa lemah, kekejangan otot,
- Kalium yang rendah dalam darah, yang boleh menyebabkan kelemahan otot,
- Ruam kulit.

Tidak biasa: mungkin boleh dialami sehingga 1 dalam 100 orang

- Perubahan mood, keresahan, kemurungan, tidak dapat tidur,
- Menggeletar,
- Deria rasa tidak normal,

- Kebas atau sensasi kesemutan di kaki anda, kehilangan sensasi kesakitan,
- Nada dalam telinga,
- Tekanan darah rendah,
- Tahap natrium dalam darah rendah yang boleh menyebabkan dehidrasi dan tekanan darah rendah,
- Penganan,
- Bersin/hidung berair disebabkan oleh keradangan pada lapisan dalam hidung (*rhinitis*),
- Batuk, mulut kering, muntah (sedang sakit),
- Rambut gugur, peluh meningkat, kulit gatal, tompok merah pada kulit, perubahan warna pada kulit, gatal-gatal,
- Gangguan dalam membuang air kencing, keinginan membuang air pada waktu malam, kekerapan membuang air kencing meningkat,
- Mati pucuk (ketidakupayaan untuk mendapatkan ereksi); ketidakselesaan atau pembesaran payudara di kalangan lelaki,
- sakit, rasa kurang sihat,
- Sakit sendi atau otot, kekejangan otot, sakit belakang,
- Peningkatan atau penurunan berat badan.

Jarang: mungkin dialami sehingga 1 dalam 1,000 orang

- Kekeliruan,
- Rasa pening,
- Tahap klorida dalam darah rendah,
- Tahap magensium dalam darah rendah.

Sangat jarang : mungkin dialami sehingga 1 dalam 10,000 orang

- Perubahan dalam sel-sel darah, seperti *thrombocytopenia* (pengurangan dalam bilangan platelet yang menyebabkan mudah lebam dan pendarahan hidung), *leucopenia* (pengurangan sel-sel darah putih yang boleh menyebabkan demam yang tidak dapat dijelaskan, sakit tekak atau gejala seperti selsema - jika ini berlaku, hubungi doktor anda) dan anemia (penurunan dalam sel-sel darah merah),
- Gula yang berlebihan dalam darah (hiperglisemia),
- Peningkatan kalsium dalam darah,

- Gangguan saraf yang boleh menyebabkan kelemahan, kesemutan atau kebas,
- Bengkak gusi,
- Kembang perut (*gastritis*),
- Fungsi hati yang tidak normal, radang hati (hepatitis), kuning pada kulit (jaundis), peningkatan enzim hati yang mungkin mempunyai kesan ke atas beberapa ujian perubatan, dalam kes-kes kegagalan hati, ada kemungkinan mendapat *hepatic encephalopathy* (sejenis penyakit degeneratif otak di mana hati tidak mampu mengeluarkan toksin di dalam darah),
- Penyakit buah pinggang,
- Ketegangan otot meningkat,
- Keradangan saluran darah, sering dengan ruam kulit,
- Sensitif kepada cahaya,

Tidak diketahui (kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang sedia ada):

- Perubahan boleh berlaku dalam parameter makmal anda dan doktor anda mungkin perlu memberi anda ujian darah untuk memeriksa keadaan anda. Perubahan berikutan dalam parameter makmal boleh berlaku:
  - kandungan natrium yang rendah dalam darah yang boleh membawa kepada dehidrasi dan tekanan darah rendah,
  - Peningkatan asid urik, yang boleh menyebabkan atau memburukkan gout (sakit sendi terutama pada bahagian kaki),
  - Peningkatan tahap glukosa darah di kalangan pesakit kencing manis,
- Pengesanan ECG yang tidak normal,
- Pengumpulan cecair pada lapisan vaskular mata yang boleh menyebabkan perubahan penglihatan (*choroidal effusion*),
- Rabun dekat yang mendadak atau penglihatan kabur (*acute myopia*),
- Peningkatan tekanan dalam mata yang mendadak, sakit mata (*acute angle-closure glaucoma*). Jika dibiarkan tanpa rawatan, boleh menyebabkan kehilangan penglihatan kekal.
- menggeletar, postur yang kaku, wajah seperti topeng, pergerakan

perlahan dan berjalan dengan kaki tidak bergerak, tidak seimbang.

Jika anda mengalami *systemic lupus erythematosus* (sejenis penyakit kolagen), ini mungkin menjadi lebih buruk.

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan yang tidak disebut dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### Cara penyimpanan dan pelupusan Natrixam

#### Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada kotak dan blister ubat. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.


Simpan di bawah suhu 30°C.


#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### Rupa dan warna produk

Natrixam 1.5 mg / 5 mg tablet berwarna putih, bulat, *bilayered*, bersalut filem, tablet *modified-release* berdiameter 9 mm diukir dengan  pada sebelah permukaannya.

Natrixam 1.5 mg / 10 mg tablet berwarna merah jambu, bulat, bersalut filem, *bilayered*, tablet *modified-release* berdiameter 9 mm diukir dengan  pada sebelah

permukaannya.

Tablet terdapat dalam blister mengandungi 15 & 30 tablet. Tidak semua saiz pek akan dipasarkan.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif ialah:

*Indapamide* dan *amlodipine*.

Natrixam 1.5mg/5mg:

Satu tablet mengandungi 1.5 mg *indapamide* dan 6.935 mg *amlodipine besilate* bersamaan dengan 5 mg *amlodipine*.

Natrixam 1.5mg/10mg:

Satu tablet mengandungi 1.5 mg *indapamide* dan 13.87 mg *amlodipine besilate* bersamaan dengan 10 mg *amlodipine*.

Bahan-bahan tidak aktif ialah:  
Tablet teras Natrixam 1.5mg/5mg dan 1.5mg/10mg:

*lactose monohydrate*, *hypromellose (E464)*, *magnesium stearate (E572)*, *povidone (E1201)*, *silica colloidal anhydrous*, *calcium hydrogen phosphate dihydrate*, *cellulose microcrystalline (E460)*, *croscarmellose sodium (E468)*, *pregelatinized maize starch*,

Tablet filem salutan untuk Natrixam 1.5mg/5mg: *glycerol (E422)*, *hypromellose (E464)*, *macrogol 6000*, *magnesium stearate (E572)*, *titanium dioxide (E171)*,

Tablet filem salutan untuk Natrixam 1.5mg/10mg: *glycerol (E422)*, *hypromellose (E464)*, *iron oxide red (E172)*, *macrogol 6000*, *magnesium stearate (E572)*, *titanium dioxide (E171)*.

- Nombor MAL

MAL15125048AZ

MAL15125049AZ

**Pengilang**

Les Laboratoires Servier Industrie  
905 route de Saran  
45520 Gidy, France

**Pemegang pendaftaran produk**

Servier Malaysia Sdn Bhd

Unit No.25-02, Level 25,

Imazium

No.8, Jalan SS21/37, Damansara

Uptown

47400 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan

**Tarikh kemaskini RiMUP**

02.12.2022

**Nombor Siri**

NPRA (R1/5) 03052023/096